

SIARAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA
4 DISEMBER 2025

RHB Lanjutkan Waktu Operasi Cawangan Untuk Menyediakan Perkhidmatan Lebih Baik Kepada Pelanggan

Kuala Lumpur – Kumpulan Perbankan RHB (“RHB” atau “Kumpulan”) akan melanjutkan waktu operasi bagi semua Cawangan RHB dan RHB Premier di seluruh Malaysia berkuat kuasa 1 Januari 2026, bagi memberikan pelanggan lebih masa dan fleksibiliti untuk mengurus keperluan perbankan mereka.

Waktu Operasi Terbaharu untuk Cawangan RHB dan RHB Premier:

Semua Negeri (kecuali Kelantan & Terengganu)	Waktu Operasi Semasa	Berkuat Kuasa 1 Januari 2026
Isnin - Khamis	9.15 pagi - 4.15 petang	9.15 pagi - 5.00 petang
Jumaat		9.15 pagi - 4.15 petang

Kelantan & Terengganu	Waktu Operasi Semasa	Berkuat Kuasa 1 Januari 2026
Ahad - Rabu	9.15 pagi - 4.15 petang	9.15 pagi - 5.00 petang
Khamis		9.15 pagi - 4.15 petang

Waktu operasi bagi cawangan yang terletak di pusat membeli-belah kekal seperti sedia ada dan akan terus mengikut waktu operasi pusat membeli-belah berkenaan.

“Peningkatan ini mencerminkan komitmen berterusan kami untuk menjadikan perkhidmatan perbankan lebih mudah dan boleh diakses oleh pelanggan. Dengan melanjutkan waktu operasi, kami memberikan pelanggan lebih fleksibiliti dan menyokong keperluan kewangan mereka pada waktu yang lebih sesuai. Kami berharap dapat menyambut pelanggan sepanjang waktu operasi baharu ini dan terus menyediakan perkhidmatan yang mereka jangkakan daripada kami,” kata Jeffrey Ng Eow Oo, Pengarah Urusan, Perbankan Komuniti Kumpulan, Kumpulan Perbankan RHB.